



Disediakan oleh:

JAMALIAH JAAFAR


Pengarah, BPPA

NEWSLETTER

PENYERTAAN WANITA DALAM EKONOMI

Wanita terdiri daripada hampir separuh penduduk Malaysia. Sumbangan mereka sama ada sebagai isteri, ibu serta pekerja yang mempunyai gaji, di dalam pembangunan bangsa dan negara adalah amat penting. Mereka bukan sahaja memainkan peranan utama di dalam pembentukan generasi akan datang malah merupakan sumber ekonomi yang penting. Buat masa ini, mereka merupakan satu pertiga daripada jumlah tenaga buruh. Dari segi penyertaan buruh, penyertaan wanita meningkat dari **37.2 peratus** dalam tahun **1970** kepada **46.7 peratus** dalam tahun **1990**. Di sektor luar bandar dan pertanian, wanita terus merupakan faktor penting. Gunatenaga wanita juga telah bertambah dengan banyaknya di dalam **sektor pembuatan** terutamanya dalam sektor **tekstil** dan **elektronik**. Di **sektor perkhidmatan** seperti **perkhidmatan masyarakat, sosial, persendirian serta sektor awam**, penyertaan wanita juga kian meningkat. Wanita juga telah lama memainkan peranan yang aktif di bidang politik negara. Kerajaan telah lama mengiktiraf sumbangan besar wanita di dalam pembangunan negara. Oleh itu kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan mereka dalam proses pembangunan negara dengan membuka peluang-peluang yang lebih luas bagi menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik. Beberapa institusi telah ditubuhkan untuk mengintegrasikan wanita ke dalam aliran utama pembangunan. Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada tahun 1976 bagi menterjemahkan pelan tindakan sedunia mengenai wanita dalam pembangunan negara. Pada tahun 1983, Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah ditubuhkan untuk mengawasi dan menilai perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan oleh sektor awam dan swasta bagi faedah kaum wanita. Selain daripada bertindak sebagai pusat maklumat utama mengenai hal ehwal wanita, HAWA juga berfungsi sebagai urusetia kepada NACIWID.

Rajah 1: Kadar penyertaan tenaga buruh, mengikut jantina, 1995-2017



Pada tahun 2017, penduduk umur bekerja di Malaysia terdiri daripada 9.5 juta wanita dan 9.8 juta lelaki. Daripada jumlah ini, hanya 53.5% wanita menyertai tenaga buruh, berbanding 77.7% bagi lelaki (Rajah 1).


Rajah 1 juga menunjukkan perubahan telah berlaku dari masa ke masa. Dalam dua dekad yang lalu, jurang jantina dalam Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) telah berkang daripada 38.9 mata peratusan pada tahun 1995 kepada 24.2 mata peratusan pada tahun 2017.

Ini menunjukkan trend penurunan jangka panjang dalam KPTB lelaki, dan trend peningkatan bagi wanita.



Dalam tempoh 2010 hingga 2017, KPTB lelaki kekal stabil, sementara KPTB wanita meningkat sebanyak 8.0 mata peratusan dari 45.5% kepada 53.5%, iaitu sembilan kali lebih tinggi daripada kenaikan 0.9 mata peratusan direkodkan dalam tempoh 1995 - 2010. Akibatnya, dalam tempoh tujuh tahun sahaja, jurang jantina KPTB menyusut sebanyak 23.7%. Walau bagaimanapun, jurang ini kekal agak besar di peringkat antarabangsa. Rajah 2 menunjukkan bahawa pada tahun 2017, jurang penyertaan antara jantina di Malaysia adalah antara yang terbesar di kalangan negara terpilih, iaitu kedua selepas India.

Rajah 2: Kadar penyertaan tenaga buruh dan jurang antara jantina, mengikut negara dan kumpulan negara terpilih, 2017



Source: World Development Indicators and Department of Statistics Malaysia

PROGRAM PEMBANGUNAN PENGEKSPORT

130 syarikat milikan wanita telah menyertai *Women Exporters Development Programme (WEDP)* di bawah MATRADE bertujuan untuk membantu usahawan wanita dalam membangunkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menembusi dan mengembangkan pasaran eksport di luar negara.

Inisiatif bagi menggalakkan wanita menyertai dan kekal dalam pasaran pekerjaan



PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN WANITA

Terdapat lebih 6 ribu peserta wanita yang menyertai program kemahiran I-KeuNita WANITA (I-KeuNITA) atau **DeWI (Development of Women Entrepreneurship Initiative Programme)** di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertujuan untuk membantu meningkatkan potensi wanita untuk berdikari memperbaiki ekonomi selepas memperoleh kemahiran melalui latihan yang dijalankan di setiap Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN).


Usahawan wanita yang berjaya dilahirkan memperoleh pendapatan bulanan RM3,500 atau lebih.



Inisiatif bagi menggalakkan wanita menyertai dan kekal dalam pasaran pekerjaan

SEKTOR AWAM

Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Awam.



Penggubal undang-undang pegawai kanan & pengurus
24.7%



Profesional & pekerja teknikal
44.3%


SEKTOR SWASTA

27% daripada ahli lembaga pengarah di syarikat awam adalah wanita.




PENGUASAAN POLITIK

Wanita menguasai **14.4% kerusi di Parlimen.**



Wanita dalam **Jawatan Menteri 17.9%.**

KOMPOSISI JANTINA AHLI LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT



PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

Pada tahun 2015, terdapat sebanyak 187,265 pertubuhan Milikan Wanita yang menyumbang 20.3 peratus daripada keseluruhan sektor ekonomi. Nilai output kasar dan nilai ditambah yang dijana oleh pertubuhan Milikan Wanita masing-masing berjumlah RM85.0 bilion (3.4%) dan RM39.6 bilion (4.0%). Bilangan pekerja yang terlibat dalam pertubuhan Milikan Wanita adalah seramai 853,559 orang (9.8%) dengan gaji & upah yang dibayar sebanyak RM14.1 bilion (5.7%). Nilai harta tetap pertubuhan Milikan Wanita pula direkodkan sebanyak RM37.9 bilion atau 2.4 peratus.

BILANGAN PERTUBUHAN MILIKAN WANITA MENGIKUT SEKTOR, 2015



Pertanian
1,541



Perlombongan &
Pengkuarian
20



Pembuatan
9,546



Pembinaan
2,622



Perkhidmatan
173,536



PERUBAHAN

BILANGAN PERTUBUHAN

187,265 2015
2010 127,533

NILAI
OUTPUT RM85.0b 2015
KASAR

2010 RM35.5b

NILAI DITAMBAH

2015 RM39.6b

2010 RM17.2b

BILANGAN PEKERJA 853,559 2015

2010 559,939

GAJI & UPAH

2015 RM14.1b

2010 RM5.5b

NILAI HARTA TETAP RM37.9b 2015

2010 RM11.4b

PENAFIAN: Artikel dalam *news/letter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *news/letter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

4